

**SASTERA MELAYU ZAMAN PERALIHAN
HINDU- ISLAM: SATU KAJIAN TERHADAP
*HIKAYAT SHAMSU'L BAHRAIN***

NORLIZAWATI MD. NOR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**SASTERA MELAYU ZAMAN PERALIHAN
HINDU-ISLAM: SATU KAJIAN TERHADAP
*HIKAYAT SHAMSU'L BAHRAIN***

oleh

NORLIZAWATI MD. NOR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2017

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi lafaz kesyukuran dipohonkan kepada Allah S W T kerana dengan izin dan rahmat daripadaNya dapat saya menyiapkan tesis bertajuk *Sastera Melayu Zaman Peralihan Hindu-Islam: Satu Kajian Terhadap Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Alhamdulillah Ya Rabbul Alamin dan berselawat ke atas rasul junjungan Muhammad S A W..

Sepanjang tempoh pengajian, saya amat terhutang budi kepada banyak pihak yang masing-masing memberi sumbangan dan sokongan dalam penulisan tesis ini. Jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Jelani Harun selaku penyelia utama di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran, pandangan dan cadangan dengan kesabaran yang tinggi dalam menyelia tanpa jemu. Hanya Allah yang dapat membalas segala ilmu dan budi yang dicurahkan.

Tidak lupa juga kepada penyelia bersama Dr. Mohamad Luthfi Abdul Rahman di atas segala dorongan, teguran, perhatian dan sudut pandangan yang membina sepanjang penulisan tesis ini. Segala dorongan dan teguran yang diberikan merupakan sebuah semangat untuk menyiapkan tesis ini. Segala jasa dan budi baik beliau diharapkan mendapat ganjaran daripada Allah SWT kehendak-Nya.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua Pensyarah di Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang turut memberikan galakan, pendapat dan kritikan yang bernas serta membina bagi penambahbaikan tesis ini. Tidak lupa juga kepada semua staf pentadbiran Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan kerana banyak membantu dalam hal-hal yang berkaitan tesis ini.

Ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada pihak pentadbiran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atas biasiswa yang diberikan sepanjang tempoh pengajian sehingga terhasil tesis ini. Bantuan dari segi kewangan amat penting dalam kajian ini bagi memudahkan hal-hal berkaitan dengan yuran pengajian, penyelidikan dan kerja-kerja lapangan di luar dan dalam negara.

Setulus kasih tidak terhingga kepada institusi-institusi yang telah memberi kerjasama semasa menjalankan proses pengumpulan data dan bahan-bahan sokongan untuk memantapkan kajian ini. Institusi-institusi yang terlibat di dalam negara Malaysia ialah seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kumpulan Kajian Kearifan Tempatan (USM), Perpustakaan Negeri Perak, Muzium Beruas, Pejabat Penghulu Mukim Beruas dan Pejabat Daerah Beruas.

Tidak lupa juga kepada Dr. Farouk Yahya yang banyak membantu dalam pencarian bahan-bahan di perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS) di London, Dr. Annabelle Gallop juga turut menolong memudahkan urusan pencarian bahan-bahan kajian di The British Library dan Encik Edward Weech sebagai pegawai di Royal Asiatic Society. Dalam pada itu, kerjasama daripada pihak Bodleian Library, Oxford University juga amat dihargai.

Segunung sanjungan diucapkan kepada penduduk tempatan di Beruas, Perak, kerana sudi bekerjasama dalam memberikan maklumat dan sumber-sumber lisan tentang sejarah awal Beruas bagi menjayakan kajian lapangan. Pihak yang sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah ialah Encik Usman bin Mohammad (62 tahun), Arifin bin Mahmud (52 tahun), Ahmad Morsidi bin Zahidin (62 tahun) dan Jamaluddin bin Abdul (59 tahun). Jasa kalian amat disanjung kerana membawa saya ke lokasi bersejarah telah banyak membantu dalam melengkapkan kerja lapangan dalam penulisan tesis ini.

Selaut rindu, kasih dan sayang buat mek tercinta Khadijah Mamat dan ayoh Md. Nor Ideris yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Mek dan Ayoh selalu jauh di mata dekat di hati. Jarak memisahkan kit, namun kalian sebagai permulaan kehidupan saya. Buat abang Mohd Rozi Md. Nor, kakak Norasiah Md. Nor dan seluruh keluarga terdekat dan jauh. Terima kasih tidak terperi atas segala jasa, budi dan kasih sayang kalian yang akan dikenang selama-lamanya.

Sekalung budi buat teman-teman seperjuangan yang turut memberi nasihat, dorongan dan membantu saya dalam menyiapkan tesis ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Akhir kata, yang baik dan indah itu datangnya dari Allah SWT, manakala yang serba kekurangan kelemahan dan kekhilafan diri datangnya dari saya sendiri. Wassalam.

Norlizawati Md. Nor,
Bahagian Kesusasteraan,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

ISI KANDUNGAN

| | |
|----------------|------|
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iv |
| Senarai Foto | vii |
| Senarai Jadual | viii |
| Senarai Peta | ix |
| Senarai Rajah | x |
| Senarai Carta | xi |
| Abstrak | xii |
| Abstract | xiv |

BAB 1: PENGENALAN

| | |
|-----------------------------------|----|
| 1.0 Latar Belakang | 1 |
| 1.1 Permasalahan Kajian | 9 |
| 1.2 Objektif Kajian | 14 |
| 1.3 Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.4 Metodologi Kajian | 16 |
| 1.4.1 Kaedah Kepustakaan | 16 |
| 1.4.2 Kajian Lapangan | 17 |
| 1.4.3 Kaedah Wawancara | 18 |
| 1.4.4 Kaedah Analisis Tekstual | 19 |
| 1.4.5 Kaedah Penerokaan Laman Web | 20 |
| 1.4.6 Kerangka Konseptual | 21 |
| 1.5 Skop Kajian | 21 |
| 1.6 Kajian Lepas | 25 |
| 1.7 Organisasi Kajian | 35 |

BAB 2: NASKHAH KAJIAN DAN SEJARAH BERUAS

| | |
|-----------------|----|
| 2.0 Pendahuluan | 38 |
| 2.1 Manuskrip | 41 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 2.1.1 | Naskhah A | 41 |
| 2.1.2 | Naskhah B | 48 |
| 2.1.3 | Naskhah C | 58 |
| 2.2 | Pengarang | 65 |
| 2.2.1 | Ejaan dan Gaya Bahasa | 70 |
| 2.2.2 | Sinopsis <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> (Naskhah A) | 80 |
| 2.3 | <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> dalam Sejarah Beruas | 86 |
| 2.3.1 | Konsep Wira | 88 |
| 2.3.2 | Shamsu'l Bahrain Wira Legenda Beruas | 96 |
| 2.3.3 | Latar Beruas dalam <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> | 115 |
| 2.4 | Raja-Raja Beruas | 126 |

BAB 3: KOSMOLOGI HINDU

| | | |
|-------|--|-----|
| 3.0 | Pendahuluan | 135 |
| 3.1 | Sastera Melayu Zaman Peralihan Hindu-Islam | 138 |
| 3.2 | Kosmologi Hindu | 149 |
| 3.2.1 | <i>Trimurti</i> | 154 |
| 3.2.2 | <i>Samsara</i> | 157 |
| 3.2.3 | <i>Karma</i> | 159 |
| 3.2.4 | <i>Moksha</i> | 160 |
| 3.2.5 | <i>Yoga</i> | 160 |
| 3.3 | Kosmologi Islam | 169 |

BAB 4: UNSUR-UNSUR HINDU

| | | |
|-------|-----------------------------|-----|
| 4.0 | Pendahuluan | 173 |
| 4.1 | Penjelmaan dan Pengembaraan | 174 |
| 4.1.1 | Penjelmaan | 174 |
| 4.1.2 | Pengembaraan Kerohanian | 201 |
| 4.2 | Pembalasan dan Kejayaan | 225 |
| 4.2.1 | Pembalasan | 225 |

| | | |
|-------|----------|-----|
| 4.2.2 | Kejayaan | 238 |
| 4.3 | Latar | 246 |

BAB 5: UNSUR-UNSUR ISLAM

| | | |
|-------|----------------------------|-----|
| 5.0 | Pendahuluan | 255 |
| 5.1 | Kreativiti Kepengarangan | 256 |
| 5.2 | Unsur-Unsur Islam | 269 |
| 5.2.1 | Pengislaman | 269 |
| 5.2.2 | Akad Nikah | 277 |
| 5.2.3 | Nazar | 284 |
| 5.2.4 | Penggunaan Nama-nama Islam | 286 |

BAB 6: KESIMPULAN

| | | |
|-----|----------------------|-----|
| 6.0 | Rumusan dan Cadangan | 299 |
|-----|----------------------|-----|

| | |
|--------------------|-----|
| BIBLIOGRAFI | 309 |
|--------------------|-----|

LAMPIRAN

SENARAI FOTO

| | Halaman |
|--|----------------|
| Foto 1 Halaman Pengenalan <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> (Naskhah A) | 44 |
| Foto 2 Kulit Belakang <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> (Naskhah A) | 47 |
| Foto 3 Halaman Pertama <i>Hikayat Shamsu Bahrain</i> (Naskhah B) | 50 |
| Foto 4 Halaman keempat dan kelima <i>Hikayat Shamsu Bahrain</i> (Naskhah B) | 53 |
| Foto 5 Salinan mikrofilem <i>Hikayat Shamsu Bahrain</i> | 57 |
| Foto 6 Halaman Pertama <i>Hikayat Shams Bahrain</i> (Naskhah C) | 60 |
| Foto 7 Kolofon <i>Hikayat Shams Bahrain</i> (Naskhah C) | 63 |
| Foto 8 Pemandangan Depan Bukit Shamsu'l Bahrain di Beruas | 101 |
| Foto 9 Makam Shamsu'l Bahrain di Beruas | 109 |
| Foto 10 Jenis-jenis batu nisan dari Aceh di sekitar Beruas, Perak | 113 |
| Foto 11 Padang Antah Berantah Beruas, di Perak | 122 |
| Foto 12 Papan Tanda Menunjukkan Lokasi Makam Raja-Raja Beruas di Kampung Kota di Beruas, Perak | 131 |
| Foto 13 Salah satu contoh Makam Raja Beruas di Kampung Kota, Beruas Perak | 132 |

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|----------------|
| Jadual 1 Pola Ejaan dalam <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> | 71 |
| Jadual 2 Ringkasan Perbandingan Tiga Versi Naskhah <i>Hikayat Shamsu'l Bahrain</i> | 84 |
| Jadual 3 Tahap Sejarah Perkembangan Kesusasteraan Melayu | 141 |
| Jadual 4 Sejarah Perkembangan Kesusasteraan Melayu | 144 |
| Jadual 5 Tahap Perkembangan Kesusasteraan Melayu | 146 |
| Jadual 6 Sifat-sifat Ketuhanan Hindu | 154 |
| Jadual 7 Unsur-unsur Hindu | 252 |
| Jadual 8 Unsur-unsur Islam | 288 |
| Jadual 9 Pengaruh Hindu-Jawa dalam <i>Hikayat Putera Gangga</i> dan <i>Hikayat Badar Krishna</i> | 296 |
| Jadual 10 Tahap Perkembangan Sastera Melayu Abad ke-10 hingga ke-19 | 297 |

SENARAI PETA

| | Halaman |
|---|----------------|
| Peta 1 Mukim-Mukim di Negeri Perak | 105 |
| Peta 2 Bukit Shamsu'1 Bahrain Beruas, Perak Darul Ridzuan | 106 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|--|----------------|
| Rajah 1 Korpus <i>Trimurti</i> | 153 |
| Rajah 2 Korpus kelahiran Wira dalam Tradisi Melayu | 179 |
| Rajah 3 Kronologi Pengembaraan Shamsu'l Bahrain | 212 |

SENARAI CARTA

| | Halaman |
|--|----------------|
| Carta 1 Konsep Kepercayaan dalam Kosmologi Hindu | 162 |
| Carta 2 Korpus Pengaruh Kosmologi Hindu dalam Struktur Cerita Melayu | 165 |

**SASTERA MELAYU ZAMAN PERALIHAN HINDU-ISLAM: SATU KAJIAN
TERHADAP *HIKAYAT SHAMSU'L BAHRAIN***

ABSTRAK

Tesis ini membincangkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah karya sastra Melayu zaman peralihan Hindu-Islam telah menjadikan bukti kukuh wujudnya kerajaan Beruas. Kajian ini berpusatkan kepada manuskrip *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) yang tersimpan di School of Oriental and African Studies, London. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell3) adalah sebuah naskhah yang berhubung kait dengan sejarah awal kerajaan Gangga Negara di Beruas seperti yang diperkatakan oleh R.O Winstedt (1934) dan J. C Bottom (1965). Dalam konteks ini, kajian bermatlamat untuk mengetengahkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sumber yang dapat dihubungkan dengan sejarah awal kerajaan Beruas. Hal ini dapat ditelusuri berdasarkan kaedah analisis isi teks sama ada dari aspek watak, latar tempat dan peristiwa yang disokong dengan bahan-bahan bertulis daripada kaedah temu ramah yang dijalankan ke atas masyarakat di Beruas. Shamsu'l Bahrain sebagai watak utama dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* seharusnya diangkat sebagai wira legenda di Beruas kerana ketokohnya bukan sahaja digambarkan dalam karya ini, malah menjadi satu nama yang masyhur bagi masyarakat Beruas sehingga kini. Kekuatan unsur-unsur Hindu yang terdapat pada *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dianalisis dengan menggunakan lima konsep kepercayaan utama dalam kosmologi Hindu oleh Jeaneane Fowler (2010) iaitu *trimurti*, *samsara*, *karma*, *moksha* dan *yoga*. Kelima-lima konsep kepercayaan Hindu ini adalah selaras dengan struktur pembentukan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* iaitu penjelmaan, pengembaraan kerohanian, pembalasan, kejayaan dan latar. Hal ini memperlihatkan bagaimana pembentukan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* mempunyai persamaan dengan lima konsep kepercayaan

Hindu yang telah disesuaikan dengan budaya setempat oleh pengarangnya. Dari sudut ini, kajian terhadap *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) telah mampu membuktikan bahawa hikayat ini ialah salah sebuah tulisan yang berhubung kait dengan sejarah awal kerajaan Beruas. Kekuatan unsur-unsur Hindu yang terkandung dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* berbanding dengan unsur-unsur Islam telah melayakkan hikayat ini digolongkan sebagai salah sebuah karya zaman awal peralihan Hindu-Islam. Kewujudan kekuatan unsur-unsur Islam pada bahagian akhir *Hikayat Shamsu'l Bahrain* merupakan kreativiti pengarang untuk menggambarkan kejatuhan kerajaan Gangga Negara dan kedatangan Islam di Beruas. Kreativiti kepengarangan sedemikian telah membuktikan kebijaksanaan pengarang masa silam dalam menghasilkan karya mengikut pengaruh Hindu dan Islam.

**MALAY LITERATURE DURING HINDU-ISLAM TRANSITIONAL PERIOD: A
STUDY ON *HIKAYAT SHAMSU'L BAHRAIN***

ABSTRACT

This thesis examines *Hikayat Shamsu'l Bahrain* as a Malay literary text encompassing Hindu-Islam transitional period that possesses its own unique characteristics. This study centers on the manuscript *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) that is preserved at the School of Oriental and African Studies (SOAS), London. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* is a text that is closely linked to the early history of Gangga Negara kingdom in Beruas as stated by R.O Winstedt (1934) and J. C Bottom (1965). In this context, this study aims at highlighting *Hikayat Shamsu'l Bahrain* as an important source of information connected to the early history of the Beruas kingdom. This objective is achieved through text analysis method from several different aspects, such as character, setting and incidents that are supported by written literature and oral interviews with the community in Beruas. As the main protagonist, Shamsu'l Bahrain in *Hikayat Shamsu'l Bahrain* should be heralded as a legendary hero in Beruas because his notable character is illustrated in literature and he is a distinguished figure in the Beruas community till today. The dominance of Hinduistic elements in *Hikayat Shamsu'l Bahrain* are analysed through five key concepts that build the Hindu cosmology as identified by Jeaneane Fowler (2010), namely *trimurti*, *samsara*, *karma*, *moksha* and *yoga*. These five Hindu belief concepts are consistent with the structural formation of *Hikayat Shamsu'l Bahrain*, specifically manifestation, odyssey, reciprocity, glory and setting. This parallelity in concepts denotes the similarity in *Hikayat Shamsu'l Bahrain* with the five key concepts of Hindu belief system that were adapted to local culture by

the author. The presence of Islamic influences at the end of *Hikayat Shamsu'l Bahrain* is a technique adopted by the author to depict the fall of Gangga Negara kingdom and the arrival of Islam in Beruas. This literary technique demonstrates the wisdom of ancient authors in creating works steeped in Hinduistic and Islamic influences.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Latar Belakang

Sehingga ke hari ini, persoalan tentang kewujudan kerajaan Melayu kuno di Beruas, Perak yang sering ditimbulkan oleh para sarjana sejarah, arkeologi, sosiologi dan sastera belum dapat dibuktikan lagi secara jelas.¹ Bermula dengan kajian James Low pada tahun 1840 diikuti oleh Linehan (1851), Winstedt (1934), Wilkinson (1934), Braddell (1936), Wales (1940), Koopmans (1964), Wheatley (1966), Coedes, (1968), Mc Nair (1972) dan Andaya (1979) sehinggalah kepada pengkaji-pengkaji kontemporari seperti Khoo Kay Kim (1986), Othman Mohd Yatim (1994) dan Nik Hassan Nik Shuhaimi (2012) terhadap lokasi kewujudan kerajaan kuno di Beruas masih belum dapat dipastikan.² Walau bagaimanapun, sebahagian daripada para pengkaji kini telah bersependapat menyatakan bahawa kewujudan kerajaan Gangga Negara di Beruas adalah sekitar abad ke-2 hingga abad ke-11 Masihi.³

Kerajaan Gangga Negara yang asal dipercayai pernah bertapak di daerah Dinding (sekarang Manjung) sebagai sebuah pusat pentadbiran Hindu yang penting di

¹ Menurut Morgan dalam bukunya bertajuk *The Story of Malaya* (1941: 8) menyatakan kerajaan Gangga Negara telah melalui zaman kegemilangannya berdasarkan kepada pembinaan istana dan aktiviti menjalankan perdagangan emas dan perak. Kajian dilakukan oleh ahli arkeologi mendapati bahawa kerajaan Gangga Negara pada suatu ketika dulu adalah sebuah kerajaan yang kuat dengan pengaruh Hindu dan pusat pemerintahannya sentiasa berubah-ubah dari satu tempat ke satu tempat yang lain (Hussain Othman, 2011: 8). Kerajaan Gangga Negara dipercayai bertapak di daerah Dinding (sekarang Manjung), telah berubah ke lokasi Pangkalan Ipoh, Lembah Kinta, Sungai Siput, Tanjung Rambutan dan Bidor Perak. Lokasi-lokasi ini pernah menjadi lokasi pusat pentadbiran Kerajaan Gangga Negara yang berhubungan dengan Sungai Perak (<http://www.muzeumperak.gov.my>).

² Peristiwa kemasukan Raja Rajendra Cholahadewa 1 ke Tanah Melayu telah tercatat pada batu ukiran di Tanjore India yang bertarikh antara 1017 hingga 1024 Masihi (abad ke-11). Raja Chola dipercayai menyerang kota kerajaan Gangga Negara sekitar 1025 hingga 1028 Masihi. Merujuk kepada catatan tarikh penyerangan Raja Chola ke atas kerajaan Gangga Negara dapatlah diandaikan bahawa kerajaan ini pernah wujud sekitar abad ke-2 hingga ke-11 (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008: 27).

Perak. Lokasi pusat pentadbiran kerajaan Gangga Negara ini menjadi tumpuan utama yang telah melalui suatu zaman kebesaran dan kegemilangan sebuah kerajaan Hindu (Haron Daud, 1993: 14-15). Kebesaran kerajaan Gangga Negara mengikut *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* telah digambarkan melalui peperangan antara Raja Suran dengan Raja Gangga Shah Johan.⁴ Peperangan berakhir apabila Raja Gangga Shah Johan dibunuh dan kerajaan Hindu tersebut telah musnah.⁵ Gambaran peristiwa peperangan yang dirakamkan oleh pengarang *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad, 2000: 10-11) adalah seperti berikut:

“Setelah berapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namanya, Raja Gangga Shah Johan nama rajanya. Maka adapun negeri itu di atas bukit, di pandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga: ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Syah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala rakyatnya, dan menyuruh menutupi pintu kotanya, dan bangunan-bangunan pun disuruh tunggui, dan parit pun dipenuhi dengan air. Maka segala rakyat Raja Suran pun datanglah mengepung kota Gangga Negara itu, maka dilawan berperang oleh orang di atas kota itu. Maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil: kenaikan baginda gajah meta. Maka beberapa ditikam dan dipanah orang dari atas kota, tiada diendharkannya: maka tampil juga ia menghampiri pintu kota Gangga Negara, dipalunya

⁴ Sejarah kewujudan Kerajaan Gangga Negara juga terdapat *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai salah sebuah karya sastera sejarah yang telah mengangkat salasilah keturunan raja-raja Kedah. Susur galur keturunan Raja Kedah bermula dengan Merong Mahawangsa yang mewariskan takhta kepada puteranya Raja Merong Mahapudisat. Seterusnya, Raja Merong Mahapudisat telah dikurniakan empat orang cahaya mata. Putera sulung yang telah ditabalkan menjadi raja di Siam, putera yang kedua beragama Hindu telah mengasaskan kerajaan Gangga Negara di Perak manakala anak yang ketiga iaitu seorang puteri telah dihantar keluar untuk membuka negeri Patani. Putera yang bongsu pula telah ditabalkan untuk menggantikan baginda di negeri Kedah. Untuk rujukan lanjut lihat *Hikayat Merong Mahawangsa* oleh Siti Hawa Haji Salleh (1998: xi).

⁵ Kemusnahan kerajaan Gangga Negara dapat dikesan melalui tinggalan-tinggalan purba sebagai bahan bukti bahawa kerajaan ini pada suatu masa dahulu merupakan sebuah kerajaan yang membangun di kawasan pinggir Sungai Perak dengan Sungai Dinding. Terdapat beberapa lokasi yang telah ditemui barangan artifak antaranya patung Buddha telah dijumpai di Tanjung Rambutan dan Pangkalan Ipoh. Barang hiasan, manik-manik, periuk, cap mohor dan cincin emas telah ditemui di Tanjung Rawa, Kuala Selising, manakala di Bidor pula telah ditemukan patung jenis Awalokiteswara yang dapat menyatakan bahawa kerajaan Gangga Negara telah wujud sebagai kerajaan Hindu yang awal di Perak (Callenfels & Noons, 1940: 39).

dengan cokmarnya, maka pintu Gangga Negara pun robohlah. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam kota Gangga Negara dengan segala hulubalangnyaa”.

Kisah peperangan dan kematian Raja Gangga Syah Johan kerana dibunuh oleh Raja Suran digambarkan dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* merupakan suatu episod penting yang dapat dikaitkan dengan sejarah kewujudan kerajaan Gangga Negara. Peristiwa ini memperlihatkan Raja Suran bersama-sama bala tenteranya menyerang kota kerajaan Gangga Negara. Kesungguhan Raja Suran menyerang kerajaan Gangga Negara menimbulkan tanda tanya sama ada Raja Suran dan Raja Rajendra Chola 1 merupakan orang yang sama atau sebaliknya.⁶ Namun demikian, menurut catatan Ptolemy dalam tulisannya *Geograaphike Huphegesis* (Othman Mohd. Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 1990: 3-5), pada tahun 150 Masihi Raja Suran dan Raja Rajendra Chola 1 adalah orang yang sama yang berasal dari Coromandel, India.⁷ Ada kemungkinan dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*, nama Raja Rajendra Chola 1 digelar sebagai Raja Suran untuk disesuaikan dengan budaya Melayu. Serangan Raja Suran atau Raja Rajendra Chola 1 ke atas kerajaan Gangga Negara bertujuan untuk penaklukan (Wheatley, 1966: 90).

Mengikut *Sejarah Perak* (Abdul Halim Nasir, 1977: 74-75), sebelum kerajaan Gangga Negara mengalami kehancuran, kerajaan tersebut telah memainkan peranan dalam usaha menyebarkan kepercayaan Hindu-Buddha dalam kalangan masyarakat setempat. Penyebaran kepercayaan Hindu-Buddha adalah berkait rapat dengan

⁶ Besar kemungkinan Raja Suran atau Raja Rajendra Choladewa adalah orang yang sama yang menyerang Kerajaan Gangga Negara semasa berada di bawah naungan Raja Shah Johan yang telah dinyatakan oleh Quaritch Wales yang terdapat dalam tulisan R.O Winstedt iaitu “The Perak Site of The Sailendra Empire” (*JMBRAS*, 1941: 1).

⁷ Raja Ranjendra Chola merupakan salah seorang raja tersohor dalam sejarah India seperti mana yang tercatat dalam *Encyclopedia Indica* (1975: 436). Kehebatan dan kekuasaan Raja Chola telah mencipta suatu zaman keemasan bagi negara India kerana beliau telah berjaya menakluki beberapa kawasan yang diterajui oleh kerajaan-kerajaan besar. Sepanjang tempoh 985 hingga 1044 A.D, Raja Chola telah berjaya meluaskan penaklukannya sehingga ke Himalaya, Tanjung Comorin, Andaman, Nicobar dan Malaya. Raja Rajendra Chola yang telah menakluki beberapa kawasan yang berkerajaan besar, terutamanya di Malaya kerana berjaya meluaskan empayarnya (1975: 129).

kemasukan para pedagang India ke Gangga Negara yang dipercayai sebagai sebuah negeri di pinggir sungai dan menjadi pelabuhan berprestij pada ketika itu. Kajian-kajian kaedah cari gali oleh Koopmans (1964: 180-183) telah menemui bahan-bahan artifak purba bersejarah yang berupa arca-arca Buddha.⁸ Bukti penemuan bahan-bahan purba tersebut telah melahirkan beberapa andaian oleh ahli arkeologi, sejarawan dan budayawan bahawa pedagang India telah membawa agama dan pengaruh mereka ke Gangga Negara (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Zuliskandar Ramli, 2012: 18-19).⁹

M. Rajantheran (1999: 16) menjelaskan bahawa hubungan perdagangan awal antara India dengan Asia Tenggara bermula pada abad ke-3 Masihi.¹⁰ Hubungan melalui laluan perdagangan ini telah digunakan oleh para pedagang India di negeri-negeri di Asia Tenggara untuk berdagang di samping menyebarkan pengaruh kebudayaan, kepercayaan, pentadbiran dan sebagainya.¹¹ Pada pertengahan abad ke-3 Masihi hubungan perdagangan antara India dengan Asia Tenggara menjadi dua hala

⁸ B.N Koopman merupakan seorang ahli geomorfologi yang telah menjalankan penyelidikan terhadap sistem geomorfologi di Perak. Menerusi kajian tersebut Koopman telah berjaya menghasilkan sebuah penulisan tentang "Geomorphological and Historical data of Lower Course of Perak River (Dinding)", 1964. Lihat *JMBRAS*, Jilid xxxvii, Bahagian II.

⁹ Tulisan Winstedt dalam *A History of Classical Malay Literature* (1940: 34-35) dan Syed Muhammad Naguib al-Attas dalam *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972: 24-25) telah menemui beberapa pendapat sejarawan yang menyokong tentang kewujudan hubungan perdagangan di Asia Tenggara dengan negara India, China dan Eropah sebagai bukti kegiatan perdagangan awal dan sistem perhubungan di Alam Melayu. Pelbagai sumber penulisan tentang perdagangan awal dan sistem perhubungan Melayu boleh dirujuk berdasarkan penulisan Pliny (1958), Nilsson (1962), Ferguson (1962), Smith, (1924) dan Subramanian (1966).

¹⁰ Menurut Chaudhuri (1985: 9-11) kesan daripada perkembangan perindustrian di Eropah, India telah menjalankan aktiviti perdagangan yang begitu luas dan dipercayai hampir di seluruh negara termasuklah Alam Melayu. Kedatangan orang India ke Alam Melayu telah mengembangkan budaya mereka kepada masyarakat tempatan. Kesan penyebaran budaya daripada India telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Melayu yang bukan sahaja mempengaruhi aspek kepercayaan, kebudayaan, sosial, politik, malah juga dalam bidang ekonomi.

¹¹ Hasil penemuan I-Tsing tentang tulisan Sanskrit di Jawa mendapati bahawa tulisan tersebut telah diubah suai menjadi tulisan Kawi. Maklumat-maklumat yang ditulis dalam tulisan Kawi telah dikekalkan di Bali dan Jawa dengan bertujuan menyebarkan kepercayaan Hindu dan urusan pentadbiran oleh golongan pendeta atau kaum Brahmin di kuil, biara dan istana sahaja (Siti Hawa Haji Salleh, 1997: 5-10). Mengikut Braginsky (1993: 12), I Tsing pula menerangkan bahawa penyebaran pengaruh Hindu di Srivijaya amat kuat semasa pengembaraan beliau ke sana. Kesan daripada pengaruh Hindu di Srivijaya telah mewujudkan pusat peradaban Hindu.

kerana pedagang-pedagang di Asia Tenggara telah memasarkan barangan mereka seperti rempah ratus, kapur barus, kayu minyak wangi dan hasil hutan kepada pedagang India manakala pedagang India pula memasarkan barangan mereka seperti kain, kapas, sutera dan sebagainya kepada para pedagang di Asia Tenggara (Wolters, 1990: 38). Aktiviti perdagangan ini telah membuktikan kedatangan para pedagang dari India ke Asia Tenggara untuk memperoleh hasil sumber alam dan bahan mentah dari kepulauan Melayu. Pada ketika itu dipercayai pedagang-pedagang India telah singgah untuk berdagang di pelabuhan Gangga Negara yang terkenal sebagai sebuah kerajaan tertua di persisiran pantai negeri Perak.

Aktiviti perdagangan di pelabuhan Gangga Negara bukan sahaja menunjukkan kesan pengaruh kepercayaan Hindu terhadap kesenian, pentadbiran masyarakat Melayu, malah juga mempengaruhi dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan persuratan.¹² Namun begitu, kekuatan pengaruh Hindu yang bertapak di Gangga Negara tidak kekal lama setelah kerajaannya mengalami keruntuhan. Selepas kemusnahan kerajaan Gangga Negara, dua buah lagi kerajaan yang wujud selepas itu iaitu kerajaan Beruas dan Manjung. Kedua-dua kerajaan tersebut juga diceritakan secara ringkas dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (2000: 202-204) yang pernah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Melaka.

Walaupun *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* telah membuktikan kewujudan ketiga-tiga kerajaan seperti Gangga Negara, Beruas dan Manjung di Perak, namun tiada tokoh pengarang dan persuratan yang dapat dikaitkan dengan tradisi persuratan

¹² Keseluruhan catatan tulisan Sanskrit pada batu-batu bersurat memerihalkan dasar pemerintahan sesebuah kerajaan Melayu kuno di Nusantara yang telah dipengaruhi oleh budaya Hindu. Sistem pemerintahan Melayu telah dimonopoli oleh golongan raja, pendeta dan bangsawan. Golongan ini terlebih dahulu menganut kepercayaan Hindu bagi kepentingan kedudukan mereka dalam hierarki yang tertinggi supaya mereka dipercayai oleh rakyat sebagai keturunan dewa-dewi (Syed Naguib al-Attas, 1972: 12).

di Gangga Negara dan Beruas. Begitu juga dengan penulisan khusus tentang kerajaan Gangga Negara dan Beruas juga belum ditemui melainkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang merupakan satu-satunya naskah yang ditulis bagi menceritakan kejatuhan kerajaan Gangga Negara dan sejarah awal Beruas.¹³ Kenyataan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah naskah yang mempunyai hubung kait dengan kerajaan Gangga Negara dan kemunculan kerajaan awal Beruas telah ditimbulkan kembali oleh Winstedt (1934: 120) melalui *A History of Perak* seperti berikut:

“The Country Bahrain stands for Beruas, whose history the purely romantic tale called Hikayat Shamsu'l Bahrain (JRASSB. No.47) is supposed in Perak to record!”.

Winstedt yang menyatakan negara Bahrain bermaksud adalah Beruas, sejarahnya bersifat *romance* digelar *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dan dikatakan terakam di Perak versi naskah cetakan dalam JRASSB. No.47. Pandangan Winstedt kemudiannya telah disokong oleh Bottom (1965: 47) bahawa *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai teks yang berhubung kait dengan sejarah awal Beruas telah meninggalkan satu persoalan besar sehingga ke hari ini:

“The Hikayat Shamsul Bahrain though not really a history, was widely considered in Perak to be an account of the ancient kingdom of Beruas in Perak, and

¹³ Di Nusantara, perkembangan sistem tulisan Jawi dipercayai bermula selepas kedatangan agama Islam yang dianggarkan antara abad ke-10 hingga awal abad ke-15 (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1969: 12). Terdapat pelbagai tanggapan dan anggaran tarikh ketibaan Islam di Nusantara yang dilakukan oleh para sarjana Barat mahupun tempatan. Kedatangan Islam ke Melaka dipercayai pada awal abad ke-15 dan kemasukannya telah memperkembangkan tradisi penulisan Jawi. Tradisi ini telah dikembangkan oleh penyalin-penyalin kitab agama yang berkhidmat di istana. Hal ini selari dengan pandangan Jelani Harun (2011: 3) yang turut mengkaji karya-karya besar dalam persuratan Melayu mendapati bahawa tradisi kepengarangan pada masa silam adalah dihasilkan dalam tulisan Jawi dan tidak diketahui identiti pengarangnya. Mengikut sejarah perkembangan tradisi kepengarangan Melayu, lazimnya istana-istana dan biara-biara adalah lokasi yang melahirkan pengarang atau penyalin masa silam adalah terdiri daripada kerabat istana, pembesar, guru agama, juru tulis dan sebagainya. Golongan ini adalah kumpulan pengarang yang dihormati dan dijaga kebajikannya kerana mereka hidup dan berkhidmat di bawah naungan istana.

local place-names were identified in it. There are not other sources for the old kingdom of Beruas so this hikayat might prove useful though otherwise it has the appearance of a typical Hindu-style story full of magic and mythology”.

Pernyataan Winstedt dan Bottom ini telah menerangkan bahawa amat sukar menemukan data-data yang jelas dapat dihubungkan dengan kerajaan Beruas lebih-lebih lagi *Hikayat Shamsu’l Bahrain* yang sarat dengan unsur-unsur Hindu, magis dan dogeng.

Hakikatnya juga kemampuan untuk menulis semula sejarah tentang keruntuhan kerajaan Gangga Negara sehingga kemunculan kerajaan Beruas adalah amat sukar kerana kerajaan tersebut telah berusia ratusan tahun.¹⁴ Kebanyakan sumber lisan daripada masyarakat silam tentang kewujudan kerajaan Gangga Negara dipercayai benar-benar berlaku pada suatu zaman dahulu oleh masyarakat silam telah diwarisi secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga ke hari ini.¹⁵ Proses perkembangan penyebaran tradisi ini telah menyebabkan berlakunya tokok tambah sehingga melahirkan berbagai-bagai versi penceritaan.

Walau bagaimana pun teks *Hikayat Shamsu’l Bahrain* penting untuk dikaji kerana kelahiran naskhah ini dalam tradisi persuratan Melayu adalah sangat bererti

¹⁴ Braginsky (1998: 1-3) menyatakan bahawa terdapat banyak naskhah Melayu tersimpan di beberapa buah perpustakaan di Eropah. Naskhah-naskhah Melayu tersebut kebanyakannya lahir sekitar awal abad ke-17 telah mengalami perubahan yang cukup besar kerana berlakunya percampuran unsur Hindu-Islam.

¹⁵ Mengikut salah seorang penduduk tempatan di Beruas, iaitu Ahmad Morsidi Zahidin menjelaskan raja-raja Melayu berketurunan daripada Iskandar Zulkarnain yang terkenal sebagai pahlawan agung. Kehebatan Iskandar Zulkarnain telah menaklukkan hampir seluruh dunia termasuklah di Nusantara. Sepanjang pengembaraan Iskandar Zulkarnain di dunia, dirinya dikatakan telah berkahwin dengan seorang puteri India (kerajaan Kida Hindi) dan mendapat zuriat sebagai pewaris. Pewaris keturunan Iskandar Zulkarnain dikenali sebagai Raja Suran. Kehebatan Raja Suran adalah mengembara dan menakluk beberapa negeri di Nusantara termasuklah Langkasuka, Burma, Vietnam, Thailand dan Tanah Melayu (*The Golden Peninsular*). Semasa penaklukan di Tanah Melayu, Raja Suran dipercayai telah menguasai kerajaan Gangga Negara yang bermaksud “kerajaan sungai atau kerajaan lautan”. Sumber lisan ini daripada kajian wawancara pada 3.10.2012, Pukul 11.30 hingga 2.00 petang. Di rumah Ahmad Morsidi Zahidin di Kampung Dendang Beruas, Perak.

dan mempunyai keunikannya tersendiri. Salah satu keunikan naskhah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* berhubungan dengan sejarah awal kerajaan Beruas yang mencatatkan peristiwa jatuh bangun sebuah pemerintahan, jurai keturunan, latar tempat dan nama tokoh yang mengandungi pelbagai campur aduk dengan unsur-unsur lipur lara, legenda dan mitos.

Seterusnya kelahiran *Hikayat Shamsu'l Bahrain* terbina daripada campuran unsur-unsur Hindu-Islam. Unsur-unsur Hindu iaitu *trimurti*, *samsara*, *karma*, *moksha* dan *yoga* telah mendasari penciptaan teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Di samping itu juga, unsur-unsur Hindu seperti nama watak, alatan senjata, kenderaan, pakaian dan lain-lain turut mempengaruhi penulisan teks tersebut.

Sehubungan itu, kebijaksanaan pengarang berperanan menyebarkan agama Islam melalui karya-karya adalah penting bagi meneroka kearifan masyarakat Melayu Nusantara dalam ilmu penulisan.¹⁶ *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dikaitkan dengan kajian ilmu kepengarangan Melayu yang melambangkan keupayaan fikiran pengarangnya dalam mempersembahkan teks tersebut dalam bentuk naratif. Penguasaan ilmu penulisan Melayu menggambarkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah karya yang lahir daripada pengaruh budaya dan persekitaran masyarakat silam. Oleh itu, kajian ke atas *Hikayat Shamsu'l Bahrain* adalah penting untuk menilai daripada perspektif kreativiti kepengarangannya bagi mengangkat unsur-unsur Islam walaupun pembinaan karya tersebut berlandaskan unsur ataupun pengaruh Hindu yang sangat

¹⁶ Dalam bidang persuratan Melayu, aktiviti menyalin atau menterjemahkan karya-karya agama dan kesusasteraan dari India lazimnya dijalankan oleh golongan kerabat diraja, Brahmin dan pengarang istana (Braginsky, 1993: 6-7). Aktiviti penyalinan atau penulisan tidak didedahkan kepada rakyat tempatan, tetapi karya-karya yang disalin dan diterjemahkan telah digunakan sebagai bahan menyebarkan agama Hindu. Ada sesetengah dalam kalangan penyalin juga telah menggunakan epik-epik utama ajaran Hindu untuk mendidik akal, minda serta akhlak dalam hidup bermasyarakat dan bersosial. Disebabkan istana dan biara merupakan kawasan larangan untuk dimasuki sesuka hati, golongan bawahan akan datang mendengar karya-karya yang akan dibaca pada waktu-waktu ditetapkan. Kesan daripada kaedah ini adalah secara tidak langsung telah mengembangkan budaya Hindu di samping turut memperkenalkan tradisi penulisan Melayu.

kuat. Pengaruh unsur-unsur Islam yang terdapat dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* perlu diberi penekanan yang sewajarnya agar dapat mencungkil kembali pemikiran pengarangnya yang tersurat dan tersirat dalam karya.

1.1 Permasalahan Kajian

Setakat hari ini masih belum ditemui satu kajian khusus terhadap teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* oleh pengkaji tempatan mahupun Barat. Menurut Winstedt (1934:194) *Hikayat Shamsu'l Bahrain* mempunyai hubung kait dengan sejarah awal Beruas, Perak. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* mengandungi cerita tentang kejatuhan kerajaan Gangga Negara dan kemunculan kerajaan awal Beruas yang dilahirkan dalam bentuk karya romans telah menimbulkan sebuah persoalan besar dan perlu diberi perhatian semula.¹⁷ Hal ini demikian kerana persoalan ini belum diberi perhatian oleh mana-mana pengkaji karya tradisional malahan telah menimbulkan satu pentafsiran yang baru untuk dinilai kembali walaupun tidak ada sebarang catatan sejarah yang sistematik berkenaan sumber rujukan sejarah awal Beruas. Berikutan daripada persoalan Winstedt dan Bottom terhadap *Hikayat Shamsu'l Bahrain* mempunyai hubung kait dengan sejarah awal kerajaan Beruas, dari sudut ini sejauh manakah isi kandungan seperti peristiwa, lokasi, watak dan unsur-unsur yang terdapat dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dapat diketengahkan sebagai sumber sejarah awal kerajaan Beruas di Perak?.

¹⁷ Kedudukan sastera Melayu yang berhubungan dengan sejarah telah diangkat kembali oleh Badriyah Haji Salleh dan telah dibincangkan dalam "Sejarah Dari Bawah: Sejarah Rakyat Dalam Masyarakat Melayu Tradisional". *Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Penyejarahan*. Pada 17 dan 18 Ogos (1992). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Shamsu'l Bahrain menjadi tokoh utama dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* telah digambarkan sebagai seorang yang berwibawa, handal bermain senjata, berkepimpinan dan bijaksana. Sifat dan sikap ini yang ada pada diri Shamsu'l Bahrain bukan sahaja digambarkan di dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* malahan dipercayai sebagai tokoh hebat oleh masyarakat Beruas di Perak sehingga kini. Gambaran kehidupan Shamsu'l Bahrain yang dilakarkan dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dapat dikatakan seumpama sebuah karya epik kerana telah mengisahkan kehidupannya sejak dilahirkan sehingga menempuhi alam perkahwinan di samping telah diselitkan dengan unsur-unsur sejarah kerajaan awal Beruas. Hal ini bermakna *Hikayat Shamsu'l Bahrain* telah meriwayatkan kisah kehidupan Shamsu'l Bahrain sebagai tokoh agung dalam menerajui kerajaan Purwa Chakra Nakara atau dianggap sebagai wira legenda yang berhubung kait dengan sejarah Beruas. Shamsu'l Bahrain atau Raja Kamarul Bahrain menjadi tokoh kebanggaan bagi masyarakat Beruas sehingga kini telah menimbulkan persoalan tentang kewujudan beliau pada suatu masa dahulu. Penelitian daripada sudut ini juga menimbulkan pertanyaan tentang sejauh manakah Shamsu'l Bahrain dapat dibuktikan sebagai wira legenda di Beruas?.

Menurut kajian Harun Mat Piah (2000: 132-259), sastera hikayat dapat dikenal pasti kerana dilahirkan dalam bentuk tulisan dan mengandungi unsur Hindu yang dicampur adukkan dengan unsur Islam. Sastera hikayat mengandungi pencampuran unsur Hindu-Islam kerana kedua-dua unsur ini telah disebatikan ke dalam karya tradisional. Terdapat banyak sastera hikayat yang mengandungi pencampuran kedua-dua unsur ini dikenali sebagai karya zaman peralihan Hindu-Islam. Hikayat-hikayat yang mengandungi kedua-dua unsur ini sering dibincangkan oleh para sarjana adalah seperti *Hikayat Si Miskin*, *Hikayat Gul Bakawali*, *Hikayat Nakhoda Muda*, *Hikayat Inderaputra* dan sebagainya. Kesemua sastera hikayat telah dibina dengan unsur

Hindu-Islam, akan tetapi terdapat juga beberapa karya yang memperlihatkan kekuatan unsur Hindu di dalamnya. Kekuatan unsur-unsur Hindu dalam sastra hikayat adalah bergantung pada pengaruh dan proses pembinaan karya tersebut.

Lazimnya, sastra hikayat mengandungi unsur-unsur Hindu yang disedut daripada sastra Hindu, akan tetapi unsur-unsur tersebut telah diubah suai dan dicampur adukkan dengan unsur-unsur setempat. Sastra Hindu bermotif untuk menyebarkan agama Hindu yang berakar umbi daripada kosmologi Hindu. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dipercayai salah sebuah karya yang mengandungi unsur-unsur Hindu-Islam, akan tetapi unsur-unsur kosmologi Hindu lebih kuat berbanding unsur-unsur Islam. Konsep kosmologi Hindu sehingga ke hari ini masih belum mendapat perhatian oleh mana-mana pengkaji sastra untuk diaplikasikan ke atas karya-karya sastra tradisional, khususnya karya-karya yang lahir pada zaman peralihan Hindu-Islam. Oleh yang demikian, sejauh manakah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dapat diketengahkan dan dibahaskan sebagai salah sebuah karya yang terbina daripada lima kepercayaan dalam kosmologi Hindu berasaskan konsep *trimurti*, *samsara*, *karma*, *moksha* dan *yoga*?

Berdasarkan kajian terhadap sejarah perkembangan Kesusasteraan Melayu, para pengkaji sastra seperti Winstedt (1969), Teeuw (1971), Ismail Hamid (1983), Teuku Iskandar (1995), Siti Hawa Haji Salleh (1997) Liaw Yock Fang (2011), Annas Hj Ahmad (1964) dan ramai lagi telah membahagikannya kepada tiga zaman.¹⁸ Zaman-zaman yang dimaksudkan adalah sastra zaman Hindu, zaman Peralihan Hindu-Islam dan zaman Islam. Walau bagaimanapun, mengikut Braginsky (1998: 7-

¹⁸ Dalam kajian sejarah perkembangan manuskrip Melayu, V.I, Braginsky (1998: 1), menyatakan terdapat 8000 hingga 10, 000 naskhah Melayu yang telah ditemui. Namun, masih terdapat sebahagian jumlah naskhah Melayu ini yang belum diterokai dan dikaji. Sehubungan itu, kebanyakan naskhah Melayu yang ditemui adalah tidak dinyatakan nama pengarang dan latar kelahiran sesebuah karya yang dihasilkan.

9) sejarah perkembangan Kesusasteraan Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga zaman oleh para pengkaji adalah tidak terperinci dan mendalam. Terdapat juga kajian terhadap karya yang lahir pada zaman Hindu dan selepas Islam. Pada masa kini karya-karya yang lahir pada zaman selepas Islam lebih banyak menjadi tumpuan pengkaji kerana karya-karya tersebut membawa warisan Islam secara menyeluruh.

Dalam konteks ini, Braginsky (1998: 7-12) telah membahas tentang penulisan buku *Sejarah Sastera Klasik* yang dihasilkan oleh Winstedt (1940) telah menjadi sumber rujukan utama oleh para pengkaji sastera sebagai bahan asas kajian perkembangan Kesusasteraan Melayu telah sebagai diakui sebuah kajian adalah kurang lengkap dan mendalam. Winstedt meletakkan perkembangan Kesusasteraan Melayu pada fasa pertama adalah dikenali sebagai sastera Kuno (sebelum Abad ke-7), fasa kedua adalah sastera Hindu-Islam (Abad ke-8 hingga ke-15) dan fasa ketiga adalah sastera zaman Islam (Abad ke-19) adalah secara umum.

Menurut Braginsky (1998: 9-12) lagi, dalam evolusi zaman sastera Peralihan Hindu-Islam dipercayai wujud suatu period yang dikenali sebagai sastera zaman awal Peralihan Hindu-Islam. Kewujudan period ini berasaskan kelahiran sekumpulan karya yang kuat dipengaruhi unsur Hindu (kosmologi Hindu) berbanding unsur Islam. Karya-karya yang lahir dalam period ini dikenali sebagai karya zaman awal Peralihan Hindu-Islam dalam sejarah sastera Melayu. Salah sebuah karya sastera yang dipercayai tergolong dalam kelompok periodisasi tersebut adalah *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Perbincangan tentang kewujudan suatu period yang dikenali sebagai zaman awal peralihan Hindu-Islam diperkatakan oleh Braginsky belum lagi mendapat perhatian para pengkaji sastera sehingga kini. Dalam perspektif ini, *Hikayat Shamsu'l Bahrain* seharusnya dikaji bagi memperlihatkan sejauh manakah karya ini memiliki

atau memenuhi ciri-ciri genre sastra zaman peralihan Hindu-Islam, awal Peralihan Hindu-Islam atau lebih awal?.

Sehubungan itu, karya-karya Kesusasteraan Melayu merupakan bahan bertulis yang cukup berkesan dalam penyebaran agama selain sebagai medium pendidikan, komunikasi dan hiburan. Teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* adalah suatu penghasilan kreativiti pengarang bagi menampilkan zaman kejatuhan kerajaan Hindu Gangga Negara dengan kemunculan kerajaan awal Beruas di Perak.¹⁹ Sebelum kejatuhan Gangga Negara, kerajaan tersebut merupakan sebuah kerajaan yang mengamalkan ajaran Hindu. Walau bagaimanapun, selepas kejatuhan kerajaan Gangga Negara, telah muncul sebuah kerajaan Melayu Beruas yang telah diterokai oleh orang Aceh pada sekitar abad ke-11 dengan membawa tradisi agama Islam.

Penyebaran Islam di Beruas oleh orang-orang Aceh dan dipercayai salah seorangnya dalam kalangan mereka dikenali sebagai Shamsu'l Bahrain. Berdasarkan tulisan Jalil Miran dalam "Sultan Malikal-Mansur dari Aceh Kuasai Kerajaan Beruas", Shamsu'l Bahrain merupakan ketua panglima angkatan perang daripada Aceh yang sangat hebat (Othman Mohd Yatim, 1994: 6-8). Ketokohan dan kehebatan Shamsu'l Bahrain ini dipercayai berhubung kait dengan watak Shamsu'l Bahrain yang terdapat dalam teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang berperanan menyebarkan agama Islam di Beruas. Memandangkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* mempunyai kreativiti kepengarangan yang menggabungkan nilai sastra dan sejarah awal kerajaan Beruas,

¹⁹ Selain dikenali sebagai kerajaan Gangga Negara, dalam catatan Plotemy nama kerajaan ini pada asalnya daripada perkataan "Coconegara" yang bermaksud sebuah kerajaan yang dibina di persisiran pantai. Dari sudut bahasa pula, perkataan Gangga adalah diambil daripada perkataan sempena nama Sungai Ganges di India manakala perkataan Negara dalam bahasa Sanskrit bermaksud negeri. Selepas kejatuhan kerajaan Gangga Negara, muncul kerajaan Melayu Beruas. Nama kerajaan Beruas diambil bersempenaan pokok Beruas yang banyak tumbuh di kawasan tersebut selepas lenyapnya kerajaan Gangga Negara. Untuk keterangan lanjut sila rujuk penulisan Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2012), bertajuk *Kerajaan-Kerajaan Awal di Malaysia dan Hubungannya dengan Kerajaan Lain di Nusantara, China dan India*.

maka hal ini telah menerbitkan persoalan adakah karya ini berperanan dan berfungsi sebagai medium menyebarkan agama Islam di Beruas atau sebaliknya?.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. Membuktikan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah karya yang berhubungan dengan sejarah Beruas
2. Membincangkan kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas
3. Menganalisis *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai karya zaman Peralihan Hindu-Islam berdasarkan *trimurti, samsara, karma, moksha* dan *yoga*
4. Membuat interpretasi terhadap kreativiti kepengarangan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah karya yang muncul dalam zaman awal perkembangan Islam di Tanah Melayu, khususnya di Beruas

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa kepentingan, antaranya adalah bagi mengetengahkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebahagian sumber sejarah kerajaan Beruas yang pernah wujud pada abad ke-2 hingga ke-15. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* adalah sebuah naskhah yang dipercayai ditulis atau disalin di Perak yang berhubung kait dengan sejarah awal kerajaan Beruas (Ricklefs & Voorhoeve, 1977: 143). Hal ini berkaitan dengan fungsi karya tersebut yang tidak hanya terbatas kepada hiburan semata-mata, akan tetapi sebagai dokumen yang dapat menerangkan asal-usul kerajaan Beruas. Dokumentasi tentang dapatan kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan kepada ahli akademik dalam pelbagai bidang sama ada dalam bidang sejarah sastera, sejarah, kebudayaan, arkeologi dan warisan untuk mengkaji sejarah awal Beruas dan membahaskannya dengan lebih mendalam dan meluas lagi.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk mengangkat *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai bahan bagi membuktikan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas. Bahan-bahan tentang sejarah Beruas adalah amat sukar diperoleh kerana kekurangan tentang data dan sumber, khususnya bahan-bahan yang berkaitan dengan Shamsu'l Bahrain atau Raja Shamsu'l Bahrain. Kepercayaan masyarakat Beruas terhadap Shamsu'l Bahrain atau Raja Bahrain yang dipercayai sebagai tokoh hebat pada suatu dahulu telah menjadi sebutan sehingga ke hari ini. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* salah sebuah naskhah yang dapat dihubungkan dengan sejarah awal kerajaan Beruas seharusnya dijadikan sebagai bahan rujukan tentang kewujudan tokoh Shamsu'l Bahrain dalam sejarah awal di Beruas. Oleh yang demikian, *Hikayat Shamsu'l Bahrain* selayaknya dijadikan sebagai bahan tentang kewujudan Shamsu'l Bahrain sebagai wira legenda di Beruas.

Kajian ini juga penting untuk memberi makna kepada teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai salah sebuah karya sastera yang tergolong pada zaman awal Peralihan Hindu-Islam.²⁰ *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang lahir pada zaman awal Peralihan Hindu-Islam selayaknya dihargai kerana telah mengangkat suatu zaman yang cukup penting dalam perkembangan sejarah Kesusasteraan Melayu. Kelahiran *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang memiliki campuran pengaruh kepercayaan Hindu-Islam telah membuka dimensi baru terhadap kewujudan karya-karya pada zaman awal Peralihan Hindu-Islam yang berbeza daripada karya-karya zaman Peralihan Hindu-Islam.

Kepentingan kajian ini mengetengahkan teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai karya sastera yang mengandungi sumber sejarah awal kedatangan Islam di

²⁰ Mengikut pandangan Fauzi Basri dalam *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak* (1986: 6-10), beliau telah menjelaskan kerajaan awal Beruas dipengaruhi kepercayaan dan budaya Hindu. Sehingga kini pemerhatian dan pencarian sumber sejarah tentang kerajaan awal Beruas masih dijalankan oleh para pengkaji dalam pelbagai bidang untuk membuktikan sebagai sebuah kerajaan terawal yang menerima pengaruh Islam.

Beruas.²¹ Dalam konteks ini, kreativiti kepengarangan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dilihat sebagai bahan atau medium yang bertujuan menyebarkan agama Islam di Beruas selepas kejatuhan kerajaan Gangga Negara. Kebiasaannya sesebuah kerajaan Melayu mempunyai penulis istana yang dilantik untuk mengarang atau menyalin hal-hal yang berkaitan dengan sesebuah pemerintahan.

Penghasilan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* merupakan sesuatu kreativiti pengarang yang istimewa kerana dapat memperlihatkan kebijaksanaan dan kreativiti kepengarangan berpotensi dalam menyebarkan agama Islam yang perlu dikaji. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sarat dengan unsur-unsur kepercayaan Hindu telah diangkat kepada unsur-unsur Islam yang berlandaskan *al-Qur'an* dan Hadis. Misalnya konsep *devaraja* telah menjadi konsep Allah yang satu, konsep kesaktian menjadi konsep takdir Allah, lima konsep kepercayaan Hindu telah diubah kepada konsep kepercayaan dalam Rukun Iman dan Islam.

1.4 Metodologi Kajian

Penulisan tesis ini mengandungi beberapa kaedah kajian yang digunakan bagi melengkapkannya seperti kaedah kepustakaan, kajian lapangan, kaedah wawancara, kaedah analisis tekstual, penerokaan di laman web dan kerangka konseptual.

1.4.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan sumber primer dan sekunder. Manuskrip *Hikayat Shamsu'l Bahrain* versi Maxwell 3 yang tersimpan di

²¹ Hasil daripada wawancara bersama Arifin bin Mahmud (52 tahun) pada 2.12.2012 pukul 1 petang hingga 3 petang di Beruas Perak telah menjelaskan kerajaan Shamsul Bahrain berhubungan kait dengan sempena nama Shamsu'l Bahrain. Menurut Arifin lagi, masyarakat Beruas percaya bahawa Shamsul Bahrain adalah raja yang menerajui kerajaan Beruas selepas kejatuhan kerajaan Gangga Negara. Sehubungan itu, masyarakat Beruas juga percaya bahawa sebuah bukit yang dinamakan Bukit Shamsu'l Bahrain terdapat di sekitar kawasan tersebut adalah kota yang menyimpan khazanah daripada istana.

Perpustakaan *School of Oriental and African Studies* (SOAS), London merupakan bahan utama dalam kajian ini. Perpustakaan yang dirujuk untuk mengumpul bahan bagi kajian ini juga melibatkan perpustakaan di luar dan dalam negara. Kajian manuskrip *Hikayat Shamsu'l Bahrain* melibatkan penelitian di *Bodleian Library*, (Oxford University), SOAS (University Of London) dan (Royal Asiatic Society), London. Manakala perpustakaan yang dirujuk di dalam negara seperti Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Arkib Negara, Perpustakaan Muzium Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Beruas dan Perpustakaan Awam Perak. Selain pencarian bahan utama, kajian ini juga turut melibatkan pengumpulan maklumat dan data berupa bahan-bahan sekunder yang diperoleh di perpustakaan seperti buku-buku rujukan, artikel-artikel, esei-esei, jurnal-jurnal, akhbar, kertas kerja seminar yang telah dibentangkan dan maklumat daripada kajian latihan ilmiah seperti tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah yang berkaitan dengan kajian ini.

1.4.2 Kajian Lapangan

Kaedah penulisan ini juga melibatkan kajian turun kelapangan ke Beruas, Perak secara berulang-ulang kali bagi mengumpul maklumat dan data-data tentang penyelidikan yang dilakukan. Kaedah turun ke lapangan berulang-ulang kali adalah untuk wawancara secara bersemuka dengan lima informan untuk mendapatkan keterangan lisan tentang sejarah awal kerajaan Beruas. Sementara itu, pengkaji telah menjalankan tinjauan ke lokasi-lokasi yang dipercayai sebagai pusat kerajaan awal Beruas. Pengkaji telah meninjau beberapa buah kampung dalam daerah Beruas seperti Kampung Kilang, Kampung Batu Hampar, Kampung Pintu Gerbang, Padang Serai,

Kampung Kedah, Kampung Dendang, Kampung Kota, Kampung Tualang, Kampung Paya Ara, Kampung Gelung Pepuyu, Kampung Gelung, Kampung Jalan Pertanian, Kampung Ulu Licin, Kampung Gaduh, Kampung Che' putih, Kampung Pulau Meranti, Kampung Tengah, Kampung Cangkat, Kampung Pangkalan Damar, Kampung Paya Takung dan Kampung Paya Lima. Makam-makam diraja, Bukit Shamsul Bahrain, kuil-kuil dan tapak-tapak penemuan bahan-bahan arkeologi turut dilawati bagi mendapatkan maklumat-maklumat sokongan bagi memantapkan kajian ini. Di samping itu, Muzium, Pejabat Daerah dan Pejabat Penghulu Beruas turut dikunjungi untuk mendapatkan data dan bahan sokongan tentang kewujudan kerajaan awal Beruas yang berhubung kait dengan kelahiran teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Data-data tentang Bukit Shamsul Bahrain juga dicari dan dikaji untuk mendapatkan maklumat tentang pemerintahan kerajaan Bahrain.

1.4.3 Kaedah Wawancara

Seterusnya, kaedah wawancara dijalankan untuk mendapat maklumat daripada beberapa orang informan yang terdiri daripada masyarakat dari daerah Beruas. Dalam konteks pemilihan informan, kajian ini telah memilih seramai lima orang penduduk asal yang menetap di Beruas yang berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas. Pertama, kaedah wawancara ini adalah dijalankan bersama Encik Usman bin Mohammad (62 tahun) dari Kampung Kota Beruas. Kedua, wawancara dijalankan bersama Encik Arifin bin Mahmud (52 tahun) dari Kampung Batu Hampar, ketiga pula wawancara dijalankan bersama Encik Ahmad Morsidi bin Zahidin (62 tahun) dari Kampung Dendang, Beruas. Bagi informan yang keempat pula ialah Encik Jamaluddin bin Abdul (59 tahun) dari Kampung Banggol, di Beruas dan kaedah wawancara yang terakhir adalah dijalankan bersama Encik Mohd Nazeri bin Esa (58 Tahun) dari Kampung Pulau Meranti Beruas, Perak. Kaedah wawancara tersebut telah

dijalankan secara tidak formal dan dirakamkan di rumah para informan masing-masing.

Kajian ini juga menggunakan rakaman untuk mendapatkan data serta mengambil beberapa foto para penuturnya, lokasi-lokasi arkeologi dan bersejarah dihubungkan dengan sejarah awal kerajaan Beruas. Alatan yang digunakan untuk menjalankan wawancara adalah seperti sebuah pita rakaman, sebuah perakam audio, sebuah kamera dan beberapa alatan sampingan sama ada pensel, buku catatan dan lain-lain. Kaedah wawancara yang dijalankan secara individu mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan atas kerjasama antara pengkaji dengan para informan. Aktiviti menemu ramah para informan telah mengambil masa lebih kurang dua hingga tiga jam untuk satu sesi bagi mendapatkan maklumat dan keterangan berkualiti daripada sumber-sumber lisan mengikut pengalaman mereka yang disebarkan melalui nenek moyang mereka terdahulu. Hasil daripada sumber-sumber lisan yang diperolehi daripada kaedah wawancara, rakaman dan bahan-bahan arkeologi telah dikumpul dan dinilai untuk dijadikan bahan dan sumber sokongan dalam kajian ini.²² Sehubungan itu, terdapat juga sedutan contoh soalan-soalan soal selidik kepada para informan berdasarkan kaedah wawancara yang dijalankan.²³

1.4.4 Kaedah Analisis Tekstual

Kaedah kajian ini memerlukan analisis teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* untuk membuat perbincangan dan penilaian supaya dapat membuktikan karya ini tergolong dalam genre zaman awal Peralihan Hindu-Islam. Perbincangan dalam kajian ini secara dasarnya akan memperkenalkan latar belakang naskhah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dan hubungannya dengan sejarah awal Beruas. Seterusnya kajian ini memfokuskan

²² Sila rujuk lampiran 1 yang telah disediakan.

²³ Sila rujuk lampiran 2 yang telah disediakan.

analisis kepada lima struktur pembinaan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* seperti kelahiran, pengembaraan, pembalasan, peperangan dan kejayaan.

Kelima-lima struktur ini akan dianalisis secara mendalam sebagai isu utama yang dipengaruhi daripada lima konsep utama dalam kepercayaan Hindu iaitu *trimurti, karma, moksha, samsara* dan *yoga*. Perbandingan juga akan dilakukan ke atas *Hikayat Maha Vishnu, Hikayat Usul Majalis Pendawa Alam, Hikayat Isma Dewa, Hikayat Dewa Mandu, Hikayat Badar Krishna* dan *Hikayat Putera Gangga*. Kaedah perbandingan ini bertujuan memperlihatkan perbezaan dan persamaan ciri-ciri, struktur, unsur dan pengaruh yang terdapat dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai karya yang seangkatan pada zaman awal Peralihan Hindu-Islam. Selanjutnya analisis naskhah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* akan difokuskan kepada aspek-aspek yang dapat menjelaskan fungsi dan peranannya sebagai medium penyebaran awal agama Islam di Beruas, Perak.

1.4.5 Kaedah Penerokaan di Laman Web

Kaedah pencarian maklumat dengan mengakses internet juga membantu kajian memperoleh esei, jurnal, blog ilmiah dan sebagainya dari luar negara sumber rujukan semakin luas yang tidak didapati di Malaysia. Pemilihan bahan-bahan kajian dalam internet perlu diteliti dengan rapi agar bahan-bahan yang digunakan adalah ilmiah, asli, tidak dicitak dan tidak dipalsukan sumbernya daripada mana-mana rujukan lain. Maklumat tentang penulis, tempat dicetak, tahun penerbitan dan laman sesawang perlu disemak terlebih dahulu sama ada bahan tersebut diterbitkan secara sah atau tidak sebelum menjadikannya sebagai bahan rujukan dalam kajian ini. Bahan-bahan kajian ini boleh didapati dalam beberapa enjin carian seperti *Google Scholar, KITLV Publication, Journal, Google Book, Springer link* dan banyak lagi. Sehubungan itu,

pencarian bahan rujukan dan sokong untuk kajian ini juga dilakukan dalam bentuk visual lain seperti media elektronik, filem, mikrofilem dan sebagainya sebagai pencarian tanpa sempadan.

1.4.6 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini berasaskan lima konsep kepercayaan kosmologi Hindu yang diperkenalkan oleh Jeaneane Fowler berdasarkan tulisan *Hinduisme: Belief and Practice* (2010).²⁴ Lima konsep kepercayaan Hindu ini terdiri daripada *trimurti* (penjelmaan), *samsara* (kitaran kelahiran) *karma* (pembalasan), *moksha* (penyatuan jiwa) dan *yoga* (pertapaan). *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dianalisis dengan menggunakan kelima-lima konsep kepercayaan kosmologi ini untuk memperlihatkan sejauh mana karya ini dibentuk daripada unsur-unsur zaman awal Peralihan Hindu-Islam. Lima struktur ini adalah selari dengan lima struktur pembentukan sesebuah cerita Melayu seperti kelahiran, pengembaraan, pembalasan kejayaan dan latar. Dalam kajian ini, *Hikayat Shamsu'l Bahrain* dianalisis berdasarkan kepada lima struktur tersebut untuk memperlihatkan karya ini dibentuk daripada kekuatan unsur-unsur Hindu.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini juga terbatas kepada pencarian maklumat tentang sastera Melayu zaman awal peralihan Hindu-Islam terhadap *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Kajian sastera Melayu zaman awal Peralihan Hindu-Islam yang dimaksudkan adalah *Hikayat*

²⁴ Kajian ini menggunakan kerangka konseptual yang berasaskan kepada tulisan Jeaneane Fowler iaitu *Hinduisme: Belief and Practice* (2010) kerana mengandungi kriteria-kriteria untuk dianalisis ke atas *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Fowler merupakan salah seorang sarjana Barat telah berjaya menerbitkan lebih daripada sepuluh buah buku tentang kepercayaan, falsafah dan budaya masyarakat. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang falsafah dan kebudayaan dari University Wales dan sangat bergiat aktif dalam bidang yang diceburi. Ketokohan dan kepakaran Fowler dalam bidang kajian falsafah dan budaya selayaknya diketengahkan sebagai penulisan yang sangat bernilai. Rujuk (<http://www.sussex-academic.com>). Dimuat turun pada 8.6.2016/10.00 pagi.

Shamsu'l Bahrain sebagai salah sebuah karya tergolong pada zaman sedemikian. Walau bagaimanapun, Sastera zaman Peralihan Hindu-Islam dalam konteks ini merujuk kepada zaman awal peralihan Hindu-Islam seperti mana yang diketengahkan oleh Braginsky (1998: 5-9) sebagai suatu zaman kelompangan yang belum diisi dalam sejarah perkembangan sastera Melayu tradisional. Jika diasosiasikan dengan konteks kefahaman pada hari ini pengkaji sastera Melayu lebih menumpukan kepada karya yang lahir pada zaman Peralihan Hindu-Islam.

Sungguhpun demikian, dalam konteks istilah Peralihan Hindu-Islam dan awal Peralihan Hindu-Islam merupakan istilah yang berbeza. Istilah awal Peralihan digunakan untuk meletakkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai salah sebuah karya yang mempunyai ciri-ciri dan tergolong pada zaman sedemikian. Bagi meletakkan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai sebuah karya yang lahir pada zaman awal Peralihan Hindu-Islam, kajian ini bertitik tolak kepada lima konsep kepercayaan kosmologi Hindu diperkenalkan oleh Jeaneane Fowler (2010) sebagai kerangka konseptual utama dan turut disokong dengan unsur pengaruh oleh Alastair Fowler (1982) dalam bukunya bertajuk *Kind of Literature: An Introduction To The Theory of Genre and Modes*. Alastair Fowler menyenaraikan beberapa kaedah bagi menetapkan atau menggolongkan sesebuah karya, namun demikian untuk kajian ini hanya memilih satu kaedah iaitu kaedah kepengaruhan terhadap *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Kajian ini akan terbatas kepada data-data yang terdapat dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* bagi memperlihatkan pengaruh kekuatan lima konsep kepercayaan dalam kosmologi Hindu.

Kajian ini menggunakan manuskrip *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) sebagai bahan penelitian yang utama. Naskhah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* telah wujud dalam bentuk cetakan Jawi dalam *JMBRAS* (No 47) yang tersimpan di perpustakaan

School of Oriental and African Studies (SOAS) London. Naskhah telah diterbitkan pada tahun 1906 di Singapura. Di samping *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) terdapat dua lagi salinan manuskrip *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang telah ditemui. Pertama, sebuah manuskrip *Hikayat Shamsu Bahrain* yang kini tersimpan di Perpustakaan *Bodleian Library, Oxford University*, (MS Malay C.1). Kedua, sebuah *Hikayat Shams Bahrain* (RAS Raffles Malay 61) yang kini juga tersimpan di *Royal Asiatic Society (RAS), London*.

Kedua-dua manuskrip Jawi tersebut merupakan teks *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang mempunyai persamaan dan perbezaan berbanding dengan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* edisi (Maxwell 3). Daripada aspek pemilihan teks, kajian ini akan menggunakan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) kerana dapat dibaca dengan jelas, mudah difahami, lebih panjang dan lengkap berbanding dua buah naskhah yang lain. Naskhah ini terdiri daripada 269 halaman. Naskhah telah ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi.

Dalam mentransliterasikan naskhah tersebut, proses-proses penyuntingan ke atas laras bahasa, ejaan, struktur ayat dan tanda baca telah dijalankan.²⁵ Proses-proses ini sangat perlu supaya tidak mengalami sebarang masalah kesalahan ejaan, pengistilahan, kosa kata dan gaya bahasa.²⁶ Sehubungan itu, suntingan terhadap

²⁵ Kajian ini akan diterangkan pada bab 2.

²⁶ Usaha Winstedt (Nisah Haron, 2013: 8-11) merakam dan mengumpul cerita-cerita lipur lara di rantau ini, telah menghasilkan pelbagai jenis cerita lipur lara berjaya diterbitkan oleh pihak Oxford University Press dan Malaya Publishing House dalam bentuk buku (Mohd Taib Othman, 2007: xxxii-xxxiv). Antara cerita lipur lara yang terawal seperti *Hikayat Raja Muda* (1914), *Hikayat Anggun Cik Tunggal* (1914), *Hikayat Malim Dewa* (1963), *Hikayat Malim Deman* (1963), *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (1964) dan *Hikayat Terung Pipit* (1964). Selain itu, terdapat banyak lagi cerita-cerita lipur lara yang telah diterbitkan dan dibukukan oleh pegawai tadbir Inggeris antaranya Wilkinson, Strurrock, Hale dan ramai lagi. Mengikut Noriah Taslim (1993: 172-186), Penglipur lara menyampaikan sesebuah cerita adalah berdasarkan kekuatan daya ingatan dan teknik hafalan yang membantu mereka untuk melancarkan penyampaian sesebuah cerita supaya tidak tersekat-sekat. Semasa menyampaikan sesebuah cerita lipur lara seseorang tukang cerita kebiasaannya akan menggunakan stail formula lisan yang mengikut konvensi plot secara satu persatu.

naskhah turut diberi perhatian supaya maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) lebih mudah difahami.

Naskhah *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) terpilih menjadi teks utama dalam kajian ini berbanding dua versi yang lain kerana dipercayai mengandungi unsur-unsur yang dapat dihubungkan dengan sejarah Beruas sepertimana yang dinyatakan oleh R.O Winstedt dan J.C Bottom. Bahan-bahan berhubung kait dengan sejarah awal Beruas akan dirujuk sebagai bahan sokongan dalam kajian ini. *Hikayat Shamsu'l Bahrain* akan dianalisis dari sudut intrinsik dan ekstrinsik untuk menilai beberapa aspek yang memperlihatkan hubung kaitnya dengan sejarah Beruas.

Seterusnya, *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) akan dianalisis mengikut sudut kosmologi Hindu untuk menggolongkan karya ini sebagai sebuah karya zaman awal Peralihan Hindu-Islam. Lima konsep kosmologi Hindu yang berasaskan kepada lima konsep utama dalam kepercayaan Hindu iaitu *trimurti*, *samsara*, *karma*, *moksha* dan *yoga*.²⁷ Perbandingan juga akan dilakukan ke atas *Hikayat Shamsu'l Bahrain* (Maxwell 3) dengan beberapa karya tergolong dalam genre yang sama seperti *Hikayat Maha Vishnu*, *Hikayat Usul Majalis Pendawa Alam*, *Hikayat Isma Dewa*, *Hikayat Dewa Mandu*, *Hikayat Badar Krishna* dan *Hikayat Putera Gangga*.

Kaedah ini bertujuan memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai salah sebuah karya yang seangkatan dengan zamannya. Sebagai sebuah naskhah yang terpilih dalam kajian ini, setakat ini tiada sebarang bukti menyatakan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* muncul dalam bentuk tradisi lisan. Hal ini telah membuktikan *Hikayat Shamsu'l Bahrain* tidak tergolong dalam

²⁷ Perkara ini akan dibincangkan dalam bab 3 dan 4.